

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN EMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK SERI PANGLIMA WILFRED  
MADIUS TANGAU (TUARAN)**

**TARIKH : 15 OKTOBER 2019**

**SOALAN**

**DATUK SERI PANGLIMA WILFRED MADIUS TANGAU (TUARAN)**  
minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilakah Kerajaan akan melaksanakan semua cadangan RCI mengenai Pendatang Tanpa Izin di Sabah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, menyusuli pengumuman hasil dapatan dan juga rekomendasi Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) Mengenai Pendatang Asing di Sabah, Kerajaan telah mengambil inisiatif menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Warga Asing di Sabah (JKPWAS) yang terbahagi kepada dua tier iaitu Jawatankuasa Induk Pengurusan Warga Asing di Sabah (JKPWAS-Induk) dan Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Warga Asing di Sabah (JKPWAS-Teknikal). Kedua-dua Jawatankuasa dianggotai oleh Jabatan / Agensi / Bahagian Persekutuan dan Negeri yang terlibat dengan pengurusan warga asing di Sabah yang antara lainnya adalah Jabatan Ketua Menteri Sabah, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Majlis Keselamatan Negara (MKN) serta beberapa Jabatan/Agensi yang lain.

Jawatankuasa ini juga sentiasa mengambil langkah proaktif dalam mengatasi isu-isu berbangkit dalam melaksanakan pelan tindakan yang dirumuskan oleh Suruhanjaya melalui mesyuarat yang dijadualkan secara berkala sepanjang tahun. Kerajaan melalui JKPWAS turut fokus dalam menangani isu keberadaan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di Sabah dengan pelaksanaan usaha-usaha seperti mana berikut:-

- a. Menggiatkan tindakan penguatkuasaan serta pengusiran ke atas pendatang asing tanpa izin (PATI) di Sabah. Kesungguhan JKPWAS untuk mengatasi isu PATI ini dapat dilihat melalui jumlah pengusiran yang dilaksanakan bermula dari tahun 1990 sehingga 30 September 2019 yang berjumlah seramai 586,700 orang;
- b. Kedua, kerjasama dengan Kedutaan Filipina bagi memastikan pihaknya mempercepatkan pengeluaran dokumen perjalanan (*Travel Documents-TD*) kepada tahanan yang hendak diusir ke negara asal. Kerjasama ini menghasilkan impak positif dan dokumen tersebut dapat dikeluarkan dalam tempoh dua (2) hingga tiga (3) minggu berbanding tempoh dua (2) hingga tiga (3) bulan sebelum ini semenjak pelaksanaannya pada Januari 2016;

- c. Ketiga, JKPWAS melalui Jawatankuasa Kecil Sosial dan Komunikasi Induk juga memainkan peranan dalam menyelaras program kesedaran dan melaksanakan hebahan program serta aktiviti yang dijalankan oleh Jabatan/Agensi antara lainnya adalah seperti ESSCOM, MKN dan Jabatan Penerangan Negeri Sabah berhubung isu-isu berkaitan pendatang asing tanpa izin (PATI) di Sabah dan memberi penerangan kepada masyarakat bahawa usaha-usaha penguatkuasaan terhadap PATI sentiasa diutamakan;
- d. Keempat, pihak Kerajaan telah memperkenalkan penggunaan terma ‘Rekod Kelahiran’ bagi dokumen pendaftaran kelahiran Bukan Warganegara di Sabah yang telah berkuat kuasa pada 15 September 2015 yang bertujuan untuk membezakan dengan jelas dokumen pendaftaran kelahiran bagi Warganegara dan Bukan Warganegara di Sabah. Oleh itu, terma ‘Sijil Kelahiran’ pada dokumen pendaftaran negeri Sabah hanya akan dikhkususkan kepada Warganegara sahaja; dan
- e. Kelima, Kerajaan memandang serius berhubung kepelbagaian dokumen dan pas yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri kepada warga asing di negeri Sabah. Kepelbagaian dokumen dan pas ini menyukarkan penguatkuasaan dan pengawalan oleh agensi penguatkuasaan terutamanya dari aspek rekod keberadaan dan pergerakan warga asing di negeri Sabah. Justeru, untuk meningkatkan penguatkuasaan dan memastikan rekod warga asing ini berpusat dan seragam, Kerajaan melalui JKPWAS memutuskan pengeluaran Pas Sementara Sabah oleh JIM Negeri Sabah yang akan dilaksanakan pada pertengahan tahun hadapan.